

***TAKHRIJ HADITH DALAM
TAFSIR AL-AZHAR KARANGAN HAMKA***

IMRAN BIN AB RAHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

***TAKHRIJ HADITH DALAM
TAFSIR AL-AZHAR KARANGAN HAMKA***

oleh

IMRAN BIN AB RAHIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2020

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah SAW Tuhan semesta Alam, salawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan taufiq dan limpah kurniaNya, kajian ini dapat disiapkan seperti mana yang diharapkan.

Di sini juga saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada *al-fādilah* Dr. Roshimah binti Shamsudin selaku penyelia kepada kajian ini. Dengan bimbingan, tujuk ajar dan kritikan ilmiah yang membina, saya mendapat imput dan idea yang bernas untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan, sikap toleransi, masa dan tenaga yang diberikan beliau, sukar bagi saya untuk menyiapkannya.

Tidak ketinggalan kepada Naib Canselor dan para Timbalan Naib Canselor, Dekan dan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dekan dan Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah serta para pensyarah yang telah memberikan peluang untuk menyambung pengajian tinggi peringkat Doktor Falsafah. Seterusnya kepada para pegawai Perpestakaan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan bantuan untuk melancarkan perjalanan kajian ini.

Selain itu, ucapan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bahagian biasiswa melalui program My PhD kerana telah memberi biasiswa selama enam semester kepada pengajian saya peringkat Doktor Falsafah dalam pengkhususan Hadith.

Sentiasa dikenang kepada kedua ibu bapa tercinta Haji Abdul Rahim bin Hasan dan Hajah Rasminah binti Sairin serta isteri tersayang puan Asmawati binti Othman,

di samping ahli keluarga yang lain kerana mereka banyak berkorban demi kejayaan saya. Semoga Allah SWT merahmati dan memberi petunjuk kepada mereka ke jalan yang direldaiNya.

Akhir kata, saya panjatkan ke hadrat Allah SWT semoga segala sumbangan dan jasa baik yang diberikan oleh semua pihak dibalas olehNya di dunia dan akhirat. Amin.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	xi
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL.....	xiii
SENARAI LAMPIRAN.....	xv
PANDUAN TRANSLITERASI.....	xvi
ABSTRAK.....	xviii
ABSTRACT.....	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	5
1.3 Persoalan Kajian.....	9
1.4 Objektif Kajian.....	9
1.5 Kajian Terdahulu.....	9
1.6 Skop Kajian.....	29
1.7 Kepentingan Kajian.....	31
1.8 Metodologi Kajian.....	32
BAB 2 KONSEP <i>TAKHRĪJ AL-HADĪTH</i> DAN <i>DIRĀSAH AL-ASĀNĪD</i> BERDASARKAN <i>MANHĀJ ULAMA HADITH</i>	
2.1 Pengenalan.....	42
2.2 <i>Takhrīj al-Hadīth</i>	43
2.2.1 Definisi <i>Takhrīj</i> Dari Sudut Bahasa.....	43
2.2.2 Definisi <i>Takhrīj</i> Dari Sudut Istilah.....	44
2.2.3 Definisi Hadith Dari Sudut Bahasa.....	49

2.2.4	Definisi Hadith Dari Sudut Istilah.....	51
2.2.5	Sejarah Perkembangan <i>Takhrij</i>	52
2.2.6	Faedah-Faedah <i>Takhrij</i>	60
2.2.7	Kaedah-Kaedah <i>Takhrij</i>	64
2.3	<i>Dirāsah al-Asānīd</i>	71
2.3.1	Definisi Sanad Dari Sudut Bahasa dan Istilah.....	72
2.3.2	Kepentingan Sanad.....	73
2.3.3	Hubungan Antara <i>Takhrij</i> dan <i>Dirāsah al-Asānid</i>	75
2.3.4	Pengetahuan Ketika Melakukan <i>Dirāsah al-Asānīd</i>	76
2.3.5	<i>Dirāsah al-Asānīd</i> dan Penilaian Status Hadith.....	79
2.3.6	Langkah-Langkah <i>Dirāsah al-Asānīd</i> dan Penjelasan Status Hadith.....	82
2.3.6(a)	Kajian <i>Tarjamah Rijāl</i> Sanad.....	82
2.3.6(b)	Perbahasan Tentang Bersambung Sanad.....	87
2.3.6(c)	Perbahasan <i>Syādh</i> dan ‘ <i>Illah</i> pada Sanad.....	88
2.3.6(d)	Penilaian Status Hadith.....	92
2.3.7	<i>Al-Jarh wa al-Ta‘dīl</i> Dalam <i>Dirāsah al-Asānīd</i>	96
2.3.8	Dalil <i>al-Jarh wa al-Ta‘dīl</i>	106
2.3.9	Kaedah Berlaku <i>Ta‘āruḍ</i> Antara <i>al-Jarh</i> dan <i>al-Ta‘dīl</i>	111
2.3.10	Sebab-Sebab Perselisihan Ulama Dalam <i>al-Jarh wa al-Ta‘dīl</i>	115
2.3.11	Lafaz-Lafaz <i>al-Ta‘dīl</i> dan <i>al-Jarh</i>	117
2.3.12	<i>I‘tibār</i> Dalam <i>Dirāsah al-Asānīd</i>	121
2.3.13	<i>Al-Mutāba‘ah</i> dan <i>Syawāhid</i> Dalam <i>Dirāsah al-Asānīd</i>	123
2.3.13(a)	<i>Al-Mutāba‘ah</i>	123
2.3.13(b)	<i>Al-Syawāhid</i>	126

2.14 Amalan <i>Takhrīj</i> dalam Kitab Tafsir di Nusantara.....	128
2.15 Kehujahan Hadith.....	135
2.16 Kesan Hadith <i>Mardūd</i> Kepada Umat Islam.....	139
2.17 Kesimpulan.....	147
BAB 3 LATAR BELAKANG HAMKA DAN KAEDEAH PENULISAN HADITH DALAM TAFSIR AL-AZHAR	
3.1 Pengenalan.....	149
3.2 Latar Belakang Hamka.....	151
3.2.1 Pendidikan Hamka.....	154
3.2.2 Ketokohan Hamka.....	160
3.2.2(a) Seorang Pemidato.....	160
3.2.2(b) Bidang Penulisan.....	162
3.2.2(c) Bidang Pendidikan.....	165
3.2.2(d) Seorang Pemimpin.....	167
3.3 Kaedah Penulisan <i>Tafsir al-Azhar</i>	169
3.3.1 Susunan Penulisan <i>Tafsir al-Azhar</i>	172
3.3.2 Metodologi Penafsiran Ayat-Ayat al-Quran.....	175
3.3.2(a) Bentuk Tafsir <i>bi al-Ma ‘thūr</i> dan <i>bi al-Ra ’yī</i>	179
3.3.2(b) Bentuk Tafsir <i>al-Adab al-Ijtīā’ī</i>	183
3.3.3 Metodologi Penulisan Hadith-Hadith Dalam <i>Tafsir al-Azhar</i>	186
3.3.4 Analisis Bentuk Penulisan Hadith.....	204
3.4 Kesimpulan.....	205
BAB 4 ANALISIS HADITH-HADITH DALAM TAFSIR AL-AZHAR JUZUK ENAM HINGGA SEMBILAN DARIPADA SUDUT TAKHRĪJ AL-HADĪTH DAN DIRĀSAH AL-ASĀNĪD	
4.1 Pengenalan.....	208

4.2 Juzuk 6: Hadith Pertama Hingga ke-29

4.2.1 Hadith Pertama:.....	209
4.2.2 Hadith ke-2:.....	210
4.2.3 Hadith ke-3:.....	212
4.2.4 Hadith ke-4:.....	213
4.2.5 Hadith ke-5:.....	222
4.2.6 Hadith ke-6:.....	224
4.2.7 Hadith ke-7:.....	225
4.2.8 Hadith ke-8:.....	233
4.2.9 Hadith ke-9:.....	239
4.2.10 Hadith ke-10:.....	242
4.2.11 Hadith ke-11:.....	247
4.2.12 Hadith ke-12:.....	249
4.2.13 Hadith ke-13:.....	251
4.2.14 Hadith ke-14:.....	258
4.2.15 Hadith ke-15:.....	260
4.2.16 Hadith ke-16:.....	267
4.2.17 Hadith ke-17:.....	269
4.2.18 Hadith ke-18:.....	275
4.2.19 Hadith ke-19:.....	277
4.2.20 Hadith ke-20:.....	280
4.2.21 Hadith ke-21:.....	280
4.2.22 Hadith ke-22:.....	283
4.2.23 Hadith ke-23:.....	285
4.2.24 Hadith ke-24:.....	287

4.2.25 Hadith ke-25:.....	288
4.2.26 Hadith ke-26:.....	292
4.2.27 Hadith ke-27:.....	295
4.2.28 Hadith ke-28:.....	299
4.2.29 Hadith ke-29:.....	304
4.3 Juzuk 7: Hadith Pertama Hingga ke-26	
4.3.1 Hadith Pertama:.....	307
4.3.2 Hadith ke-2:.....	310
4.3.3 Hadith ke-3:.....	314
4.3.4 Hadith ke-4:.....	318
4.3.5 Hadith ke-5:.....	324
4.3.6 Hadith ke-6:.....	326
4.3.7 Hadith ke-7:.....	328
4.3.8 Hadith ke-8:.....	330
4.3.9 Hadith ke-9:.....	336
4.3.10 Hadith ke-10:.....	339
4.3.11 Hadith ke-11:.....	341
4.3.12 Hadith ke-12:.....	344
4.3.13 Hadith ke-13:.....	344
4.3.14 Hadith ke-14:.....	350
4.3.15 Hadith ke-15:.....	351
4.3.16 Hadith ke-16:.....	353
4.3.17 Hadith ke-17:.....	354
4.3.18 Hadith ke-18:.....	357
4.3.19 Hadith ke-19:.....	359

4.3.20 Hadith ke-20:.....	361
4.3.21 Hadith ke-21:.....	365
4.3.22 Hadith ke-22:.....	366
4.3.23 Hadith ke-23:.....	369
4.3.24 Hadith ke-24:.....	370
4.3.25 Hadith ke-25:.....	371
4.3.26 Hadith ke-26:.....	373
4.4 Juzuk 8: Hadith Pertama Hingga ke-18	
4.4.1 Hadith Pertama:.....	374
4.4.2 Hadith ke-2:.....	377
4.4.3 Hadith ke-3:.....	384
4.4.4 Hadith ke-4:.....	389
4.4.5 Hadith ke-5:.....	391
4.4.6 Hadith ke-6:.....	393
4.4.7 Hadith ke-7:.....	398
4.4.8 Hadith ke-8:.....	402
4.4.9 Hadith ke-9:.....	409
4.4.10 Hadith ke-10:.....	410
4.4.11 Hadith ke-11:.....	412
4.4.12 Hadith ke-12:.....	418
4.4.13 Hadith ke-13:.....	419
4.4.14 Hadith ke-14:.....	425
4.4.15 Hadith ke-15:.....	431
4.4.16 Hadith ke-16:.....	432
4.4.17 Hadith ke-17:.....	440

4.4.18 Hadith ke-18:.....	441
4.5. Juzuk 9: Hadith Pertama Hingga ke-17	
4.5.1 Hadith Pertama:.....	446
4.5.2 Hadith ke-2:.....	448
4.5.3 Hadith ke-3:.....	452
4.5.4 Hadith ke-4:.....	453
4.5.5 Hadith ke-5:.....	454
4.5.6 Hadith ke-6:.....	456
4.5.7 Hadith ke-7:.....	459
4.5.8 Hadith ke-8:.....	465
4.5.9 Hadith ke-9:.....	466
4.5.10 Hadith ke-10:.....	470
4.5.11 Hadith ke-11:.....	473
4.5.12 Hadith ke-12:.....	476
4.5.13 Hadith ke-13:.....	478
4.5.14 Hadith ke-14:.....	486
4.5.15 Hadith ke-15:.....	492
4.5.16 Hadith ke-16:.....	498
4.5.17 Hadith ke-17:.....	500
4.6 Kesimpulan.....	503
BAB 5 PENUKUP	
5.1 Pendahuluan.....	505
5.2 Penutup.....	505
5.3 Cadangan dan Saranan.....	514
BIBLIOGRAFI.....	518

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Prosedur <i>Takhrīj</i> dan <i>Dirāsah al-Asānīd</i>	
Dalam Bentuk Carta Alir.....	41
Jadual 2.1 Tingkatan Lafaz-Lafaz <i>al-Ta ‘dīl</i> Menurut	
Pandangan Ulama <i>al-Muhaddithin</i>	118
Jadual 2.2 Tingkatan Lafaz-Lafaz <i>al-Jarh</i> Menurut	
Pandangan Ulama <i>al-Muhaddithīn</i>	119
Jadual 3.1 Bentuk Penulisan Hadith.....	204
Jadual 5.1 Analisis Status Hadith Juzuk Enam Hingga Sembilan.....	513

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 Peratus Bentuk Penulisan Hadith.....	205
Rajah 5.1 Peratus Analisis Status Hadith Juzuk Enam Hingga Sembilan.....	513

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

AS	<i>'Alaihi al-Salam</i>
AJW	<i>'Azza wa Jalla</i>
Cet.	Cetakan
Dr.	Doktor Falsafah: <i>Philosophy Doctorate</i>
Ed.	Editor
Et al.	Et. al. (dan kawan-kawan, lebih dari tiga orang)
H.	Hijrah
Hamka	Haji Abdul Malik Karim Amrullah
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> ; dalam rujukan sama
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jld.	Jilid
Juz.	Juzuk
M.	Masihi
MASYUMI	Majlis Syura Muslimin Indonesia
No.	Nombor
Ph.D.	<i>Doktor of Philosophy</i>
PKI	Parti Komunis Indonesia
PPIK	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Prof.	<i>Professor</i>
RA	<i>Radiya Allah 'an-hu</i>
RA HUMA	<i>Radiya Allah 'an-huma</i>
SAW	<i>Salla Allah 'alay-hi wa Sallam</i>
SWT	<i>Subhana-hu wa Ta'ala</i>
Terj.	Terjemahan
t.h.	Tanpa halaman
t.t.	Tanpa Tarikh / Tanpa tahun

UKM Universiti Kebangsaan Malaysia

USM Universiti Sains Malaysia

w. Wafat

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A Alternatif Hadith <i>Mardūd</i>	539
Lampiran B Istilah ‘Ulūm al-Hadīth.....	560
Lampiran C Contoh Kulit Muka Hadapan <i>Tafsir al-Azhar</i>	586

PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi yang diaplikasi dalam tesis ini adalah berpandukan rujukan *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi*, Edisi kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2008.

1. HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ف	,	فقهاء	Fuqahā'
ب	B	باب	Bāb
ت	T	تاریخ	Tārīkh
ث	Th	محدث	muḥadith
ج	H	جامع	Jāmi‘
ح	ḥ	تحلل	taḥallul
خ	Kh	تخریج	Takhrij
د	D	دار	Dār
ذ	Dh	ترمیذی	Tirmidhī
ر	R	رفث	Rafath
ز	Z	تنزیل	Tanzīl
س	S	سندا	Sanad
ش	Sh	شرح	Syarḥ
ص	ṣ	صغریں	Ṣaghīr
ض	ḍ	ضعیف	Ḍa‘if
ط	ṭ	طروق	Turūq
ظ	ẓ	ظلال	Zilāl
ع	‘	علی	‘Alā
غ	Gh	غلو	Ghulū
ف	F	فکر	Fikr
ق	Q	قرطی	Qurṭubī
ك	K	فلک	Falak
ل	L	لسان	Lisān
م	M	دم	Dam
ن	N	قران	Qirān
و	W	موضوع	Mawdu‘
ة	h (ketika dimatikan bunyinya) t (ketika dihidupkan bunyinya)	بدعة	Bid‘ah
ي	y	یعقوب	Ya‘qūb

2. VOKAL PENDEK:

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ó	A	خلق	<i>Khalaqa</i>
ُ	U	نعبد	<i>Na 'budu</i>
ِ	I	استعانة	<i>Isti 'ānah</i>

3. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا / اى	Ā	مالك	<i>Mālik</i>
و	Ū	أصول	<i>Uṣūl</i>
ي	Ī	ضعيف	<i>ḍa 'īf</i>

4. VOKAL DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
او	Aw	توفيق	<i>Tawfiq</i>
اي	Ay	بييات	<i>Bayyināt</i>
يَ	iy/ī	عربيَّ	<i>'Arabiyy/'Arabī</i>
وَ	uw/ū	غلوَّ	<i>Ghuluw/ghulū</i>

Pengecualian:

Pengecualian daripada menggunakan panduan transliterasi adalah dalam hal berikut:

- Bagi akhir perkataan asal yang ditulis ‘ء’ (*Ta’ marbutah*) dieja mengikut sebutan ‘ه’.
- Tanwin* dieja mengikut sebutan dan mengikut tulisan, contoh: *Mahmudan* (محموداً).
- Alif Lam ditransliterasikan sebagai *al* (sama ada bagi *Lam Syamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. Keseluruhan ejaan adalah berdasarkan huruf bukannya bunyi, contoh: Al-Suyuti bukan as-Suyuti.
- Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Melayu adalah dieja mengikut perkataan bahasa Melayu seperti al-Quran, hadith, Rasulullah, Muhammad, Sahabat, tabiin dan sebagainya. Semua perkataan Arab atau Inggeris (bahasa asing) diitalickan kecuali nama khas.

TAKHRIJ HADITH DALAM TAFSIR AL-AZHAR KARANGAN HAMKA

ABSTRAK

Tafsir al-Azhar karangan Hamka merupakan antara kitab tafsir yang masyhur dan menjadi rujukan masyarakat Islam di Nusantara. Dalam karya tersebut, Hamka membawakan hadith-hadith sebagai tafsiran kepada ayat-ayat al-Quran. Berdasarkan kajian terdahulu terdapat hadith daif dan palsu di samping terdapat hadith yang tidak dijelaskan statusnya meskipun telah ada usaha untuk melakukan *takhrij*. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji kaedah ulama hadith dalam menentukan sesebuah hadith sebagai *maqbūl* ataupun *mardūd*. Selain itu, kajian ini juga mengkaji kaedah penulisan hadith dalam *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka di samping menganalisis hadith-hadith yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar* dari juzuk enam hingga sembilan memandangkan masih belum terdapat kajian terdahulu dari aspek *takhrij al-hadīth* dan *dirāsah asānid*. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif yang dilakukan melalui kajian Kepustakaan dengan mendapatkan data-data daripada kitab-kitab induk hadith seperti *al-Kutub al-Sittah* dan juga kitab-kitab *rijāl al-hadīth*. Oleh itu, pengkaji menganalisis hadith-hadith tersebut melalui metode *takhrij al-hadīth* selain metode induktif dan deduktif. Berdasarkan kajian ini dapat disimpulkan bahawa daripada 90 hadith yang dianalisis, 70 hadith daripadanya adalah sahih, sembilan hadith adalah *hasan*, enam hadith adalah daif, dua hadith adalah *da'if jiddan*, satu hadith adalah palsu dan dua hadith tidak dapat dikenal pasti. Dengan itu, hadith-hadith berstatus sahih dan *hasan* dalam *Tafsir al-Azhar* yang boleh dijadikan hujah adalah lebih banyak jumlahnya berbanding hadith-hadith yang tidak boleh dijadikan hujah yang terdiri daripada daif, *da'if jiddan* dan palsu.

TAKHRIJ HADITH IN TAFSIR AL-AZHAR BY HAMKA

ABSTRACT

The *Tafsir al-Azhar* penned by the honourable Hamka is one of the famous books of tafsir to date and is often referred to by the Muslims community in the Malay Archipelago. In his work, Hamka presents hadiths to interpret the Quranic verses. Based on previous studies, there are weak and also fabricated hadiths therein and a number of hadiths with unclear status despite *takhrīj* efforts made to ascertain the status. Thus, this study is aimed to analyze the methods established by the hadith scholars in determining whether a hadith as *maqbūl* or *mardūd*. In addition, this paper also analyzes the method employed by Hamka in quoting hadiths in *Tafsir al-Azhar* beside examining the hadiths quoted in *Tafsir al-Azhar* from chapter six to nine since no such research had been conducted by any scholars in respect of *takhrīj al-hadīth* and *dirāsah asānid*. This study is in qualitative form conducted through library research by obtaining data from the major hadith compilation books such as *al-Kutub al-Sittah* as well as *al-rijāl al-hadīth*. Hence, the researcher analyses the quoted hadiths in the *Tafsir al-Azhar* by way of *takhrīj al-hadīth* method apart from inductive and deductive measures. Based on the findings of this research, it can be concluded that out of 90 hadiths analyzed, 70 of them are authentic while nine of them are of *hasan* status and six are of weak hadith, two are very weak whilst one are fabricated hadiths and two hadith status could not be ascertained. With that, the authentic and *hasan* hadiths quoted by Hamka in the *Tafsir al-Azhar* that could be used as authorities in arguments far outnumbered the ones that are not actionable comprising of weak, very weak and fabricated.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Al-Quran merupakan wahyu daripada Allah SWT yang menjadi sumber hukum pertama. Ia sentiasa menjadi pembimbing kepada manusia sama ada dalam urusan akidah, ibadah, muamalah, akhlak dan sebagainya. Manakala hadith pula adalah sumber rujukan yang kedua selepas al-Quran,¹ yang ditakrifkan oleh Ibn Ḥajar iaitu sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada daripada segi perkataan, perbuatan, sifat atau pengakuan.²

Oleh sebab itu, kedudukan hadith dianggap penting dalam kalangan umat Islam sehingga para Sahabat sentiasa memberi perhatian setelah mereka menerima daripada Rasulullah SAW dengan menghafal dan mengamalkan setiap isi kandungannya bahkan ada di antara mereka yang menulisnya. Namun pada peringkat awal Rasulullah SAW melarang para Sahabat menulisnya, dibimbangi akan berlaku percampuran dengan ayat-ayat al-Quran.³ Perbuatan Sahabat ini dirakamkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Sa‘īd al-Khudrī RA bahawa Rasulullah SAW bersabda seperti berikut:

¹ Ibn ‘Abd al-Barr, Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abdullah (1996), *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Fadlih*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlm. 191. Lihat Altaf A. Khaeri (1994), *A Comprehensif Guidance Book Of Islam*, India: Adam Publisher, cet. 3, hlm. 345-346. Lihat al-Khaṭīb, Muḥammad ‘Ajjāj (1989), *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulūmuḥu wa Muṣṭalāḥ*, Beirut: Dār al-Fikr: , hlm. 34-50.

² Ibn Ḥajar dan al-Shihab al-Dīn Abī al-Baḍl (2008), *Taisīr Nuzḥah an-Naẓar fī Muṣṭalāḥ al-Hadīth*, Mesir: Maktabah Dār al-Ummah, hlm. 9. Lihat Maḥmūd al-Tāḥdīn (1985), *Taisīr Muṣṭalāḥ al-Hadīth*, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, hlm. 15.

³ ‘Abd Ḥalīm Maḥmūd (1977), *Al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī’ al-Islāmī*, Beirut: Al-Maktabah al-‘Asriyah, hlm. 35-36. Al-Sawkhāwī, Muhammad bin ‘Abd Rahmān (2005), *Fath al-Mughīth Syarh alfiyah al-Hadīth*, Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj, cet.1, hlm. 145.

حدثنا هداب بن خالد الأزدي حدثنا همام عن زيد بن أسلم عن عطاء بن يسار عن أبي سعيد الخدري أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا تكتبوا عنى ومن كتب عن غير القرآن فليمحه.⁴

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Haddāb bin Khālid al-Azdī telah menceritakan kepada kami Hammām daripada Zaid bin Aslam daripada ‘Atā’ bin Yasār daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Janganlah kalian menulis daripadaku, sesiapa menulis daripadaku selain al-Quran hendaklah dia memadamnya.

Ibn Ḥajar telah menjelaskan bahawa larangan hadith di atas menurut pandangan yang paling tepat dan menjadi pegangan kebanyakan ulama, ia hanya pada peringkat permulaan Islam. Hal itu disebabkan al-Quran masih lagi di peringkat awal penurunan dibimbangi para Sahabat tidak dapat membezakan antara al-Quran dengan hadith-hadith Rasulullah SAW. Namun setelah al-Quran semakin banyak diturunkan dan para Sahabat sudah boleh membezakan di antara keduanya, larangan tersebut telah dimansukhkan⁵ bahkan digalakan kepada para Sahabat yang mahir dalam bidang penulisan.⁶ Hal ini dapat diketahui melalui hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA seperti berikut:

حدثنا عمرو قال أخبرني وهب بن منبه عن أخيه قال: سمعت أبا هريرة يقول ما من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم أحد أكثر حديثا عنه مني إلا ما كان من عبد الله بن عمرو فإنه كان يكتب ولا يكتب.⁷

⁴ Abū al-Husain Muslim bin Hajjāj al-Naisabūrī (2006), *al-Jāmi‘ al-Sahīh al-Musammā*, Riyadh: Dār al-Taibah, no. hadith 7702, juz. 8, hlm. 229.

⁵ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *Fath al-Bārī bi Syarḥ Sahīh al-Bukhārī*, jld. 1, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, hlm. 208.

⁶ ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1977), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī‘ al-Islāmī*, Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, hlm. 41. Lihat Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Syarf al-Hazamī (1995), *Syarḥ al-Nawawī ‘alā Muslim*, Kaherah: Dār al-Salām, juz. 18, hlm. 419.

⁷ Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī (2002), *al-Jāmi‘ al-Sahīh al-Mukhtaṣar*, Beirut: Dār Ibn Kathīr, no. hadith 113, juz. 1, hlm. 54.

Yang bermaksud: Telah menceritakan kepada kami ‘Amrū telah berkata telah mengkhabarkan kepadaku Wahb bin Munabbih daripada saudaranya telah berkata: Aku mendengar Abū Hurairah menyatakan tidak ada seorang pun daripada Sahabat Nabi SAW yang lebih banyak hadithnya dibandingkan aku kecuali ‘Abdullah bin ‘Amrū, kerana beliau mampu menulis, sedangkan aku tidak.

Mengikut sebahagian pandangan ulama, tegahan menulis hadith sebelumnya hanya bersifat umum kepada para Sahabat yang tidak pandai menulis, tetapi tegahan tersebut tidak kepada ‘Abdullah bin ‘Amrū RA kerana beliau memang seorang penulis pada zaman Rasulullah SAW.⁸ Secara hakikatnya, tiada pertentangan di antara hadith yang bersifat tegahan dan keizinan pada penulisan hadith-hadith pada zaman Nabi SAW kerana keizinan penulisan hadith mengikut keadaan dan Sahabat yang tertentu. Usaha penulisan hadith membuktikan bahawa ia adalah antara cara untuk memelihara ketulenan dan kelestarian hadith.⁹

Selepas golongan Sahabat, tidak dapat dinafikan golongan tabiin dan tabi tabiin juga amat memberi perhatian terhadap hadith. Mereka sentiasa mengajar dan mengamalkan ilmu hadith kepada generasi mereka dan generasi selepas mereka. Oleh sebab itu, para periyawat hadith saling bertemu antara satu sama lain untuk berguru dan dalam masa yang sama mereka sentiasa berusaha menjaga serta memelihara keaslian hadith Nabi SAW. Justeru, amat tidak wajar jika ada golongan yang menolak hadith-hadith Nabi SAW secara total dengan mendakwa ia adalah rekaan semata-mata.¹⁰

Berikutan itu, pengajian ilmu hadith merupakan bidang yang sangat penting dalam tradisi keilmuan Islam. Justeru, para ulama terdahulu sentiasa berusaha

⁸ ‘Abdullāh bin Qutaibah (1972), *Ta’wīl Mukhtalifah al-Hadīth*, tāḥqīq: Muhammad al-Nijar, Beirut: Dār al-Jīl, hlm. 287.

⁹ Muṣṭafā bin Ḥusnī al-Sibā’ī (1978), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī‘ al-Islāmī al-Sibā’ī*, Dār al-Warrāq al-Maktabah al-Islāmī, cet: 2, hlm. 61.

¹⁰ M. Syuhudi Ismail (1988), *Kaedah Kesahihan Sanad Hadith*, Jakarta: Bulan Bintang, hlm. 83.

membentuk gagasan ilmu berkaitan ilmu hadith bagi memelihara keaslian dan keabsahan hadith yang sentiasa menjadi sumber rujukan umat Islam. Oleh itu, usaha para ulama hadith telah melakukan sebaik mungkin untuk mengumpul dan menyaring hadith-hadith sebagai langkah memurnikan semula semua periwayatan yang diperolehi. Antara yang melakukan tugas murni tersebut seperti al-Bukhārī (w. 256H), Muslim (w. 261H),¹¹ Abū Dāwud (w. 275H), Ibn Mājah (w. 273H), al-Tirmidhī (w. 279H) dan al-Nasā'ī (w. 303H).¹²

Selain itu, terdapat kitab-kitab lain seperti kitab tafsir, fekah, sirah dan lain-lain yang menjadikan hadith sebagai hujah dalam menghuraikan kepada setiap penulisan dengan menggunakan metode penyusunan yang pelbagai. Kitab-kitab tersebut telah dihasilkan oleh para ulama terdahulu hingga ke generasi terkemudian yang beredar dalam masyarakat. Dalam perjalanan waktu yang begitu panjang dan masyarakat Islam merujuk kitab-kitab agama yang menjadikan hadith sebagai sandaran hujah, namun terdapat sebahagian penulisan tidak menjelaskan secara terperinci hadith yang dikemukakan. Dalam masa yang sama timbulnya golongan-golongan yang melakukan pemalsuan hadith dari pelbagai golongan.¹³ Lantaran itu, peranan ulama hadith amat diperlukan bagi memastikan kitab-kitab yang dihasilkan atas nama agama tidak berhujahkan dengan hadith-hadith yang tidak pasti kesahihannya.

Hal ini perlu kepada perhatian dan penelitian yang mendalam untuk menganalisis hadith-hadith yang terdapat dalam karya-karya yang telah dihasilkan.

¹¹ Mohd Fauzi bin Hamat (2010), *Aplikasi Pemikiran Kritis Dalam Takhrij Al-Hadith*, Albayan Journal 8: 205-230, hlm. 4.

¹² Abū al-Faḍl Muḥammad bin Ṭāhir al-Maqdīsī (t.t), *Syurūṭ al-A’immah as-Sunnah*, al-Maktabah al-Azhariyyah li Turāth, hlm 4-6.

¹³ Muhammad Syuhudi Ismail (1992), *Metodologi Penelitian Hadis Nabi*, Jakarta: PT. Bulan Bintang, hlm. 7-20.

Justeru, salah satu usaha pengkaji adalah untuk mentakhrīj hadith-hadith dalam kitab *Tafsir al-Azhar* karangan oleh Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah atau nama singkatannya Hamka sebagai memenuhi tuntutan tersebut.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertitik tolak daripada beberapa permasalahan seperti berikut:

1. Kebanyakan umat Islam secara umumnya memahami bahawa *takhrīj al-hadīth* adalah kaedah untuk mengesan sumber sesebuah hadith sahaja, sedangkan menurut ulama hadith *takhrīj* adalah lebih daripada itu. Ia melibatkan kajian tentang para perawi bagi menilai ‘*adālah* dan *dabt* mereka dari segi periwayatan serta menjelaskan status setiap hadith yang ditampilkan.¹⁴ Hal ini perlu kepada kajian lanjutan yang melibatkan *dirāsah al-asānid* yang merujuk kepada kajian para perawi hadith untuk mengetahui status sesebuah hadith.¹⁵

Selain itu, umat Islam menjadi keliru dan sukar untuk membezakan hadith-hadith *mardūd* yang tersebar dalam masyarakat. Kesannya, berlaku kerosakan dari sudut akidah yang berkaitan dengan kepercayaan perkara-perkara ghaib, ibadah dan sebagainya.¹⁶ Hal ini perlu kepada penjelasan tentang kesan buruk kepada masyarakat Islam jika hadith *mardūd* terus dibiarkan tersebar dalam masyarakat.

¹⁴ ‘Alī bin Nayif al-Syāḥḥūd (t.t), *al-Muṣaṣṣal fī Usūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānid*, Sonic PDF Creator: www.investintech.com, hlm. 11.

¹⁵ ‘Amrū ‘Abd al-Mun‘im Salīm (2000), *Taisīr Dirāsah al-Asānid li Mubtadi ‘in*, Tanta: Dār al-Diyā’, hlm. 9-10. Lihat ‘Abd al-‘Azīzī bin ‘Abdullah bin Muḥammad (t.t), *Takhrīj al-Hadīth*, al-Dār al-Malikiyyah, hlm. 32.

¹⁶ Al-Albani, *Silsilah al-Aḥadīth al-Da‘īfah wa al-Mawdu‘ah*, hlm. 47.

2. Meskipun Hamka merupakan seorang tokoh ulama pada kurun ke-20 Masihi yang menonjol pada zamannya dalam pelbagai bidang seperti pidato, pendidikan, politik dan penulisan.¹⁷ Namun apabila dilihat daripada latar belakangnya, beliau bukanlah seorang yang berpendidikan secara formal di universiti hingga melanjutkan di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, sebaliknya beliau tidak dapat menamatkan persekolahannya disebabkan masalah dalam keluarganya.¹⁸

Selain itu, Hamka menjelaskan dalam Tafsirnya ketika menulis *Tafsir al-Azhar* sewaktu dalam tahanan pemerintah, beliau hanya menjadikan sumber rujukan kitab-kitab tafsir dan hadith tertentu sebagai rujukannya.¹⁹ Pengakuannya adalah seperti berikut:

Adapun penafsir ini sendiri, tidaklah seorang yang menempuh spesialisasi di dalam salah satu cabang ilmu Islam, cuma mengetahui secara merata dan meluas pada tiap-tiap cabang ilmu itu. Biasanya ilmu yang meluas rata itu tidaklah mendalam. Laksana seorang dokter membuka praktek untuk umum, tahulah dia serba sedikit dalam tiap cabang ilmu kedokteran, tetapi tidak ada yang mendalam dalam salah satunya.²⁰

Justeru, setelah meneliti kepada metodologi penulisan hadith dalam Tafsirnya, beliau didapati telah menukikan riwayat-riwayat daripada kitab-kitab tafsir yang ditulis oleh penulis terdahulu seperti *Tafsīr al-Tabarī*, *Tafsīr al-Qurtubī*, *Tafsīr Ibn Kathīr* dan lain-lain. Perkara ini telah dinyatakan oleh Muhamad Rozaimi Ramle dalam bukunya bertajuk *Tadabbur Hikmah Juzuk*

¹⁷ Antara bidang-bidang tersebut, bidang penulisanlah yang mengharumkan namanya hingga ke hari ini. Hal ini dapat ditelusuri melalui hasil penulisannya sebanyak 115 buah buku dan antara yang paling terkenal ialah kitab *Tafsir al-Azhar*. M. Atho' Muzdar (1982), *Fatwa-Fatwa Majlis Ulama: Sebuah Studi Pemikiran Hukum Islam di Indonesia 1975-1988*, Jakarta: Pustaka Panjimas, hlm. 94.

¹⁸ Herry Muhammad (2006), *Tokoh-Tokoh Islam yang Perpengaruh Abad 20*, Jakarta: Gema Insani, cet. 1, hlm. 60. Lihat M. Yunan Yusuf (1990), *Corak Pemikiran Kalam Tarsir al-Azhar*, Jakarta: Pustaka Panjimas, hlm. 37.

¹⁹ Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *Tafsir al-Azhar*, Indonesia: Pustaka Panjimas, juz. 1, hlm. 56 dan juz. 30, hlm. 327.

²⁰ *Ibid*, juz. 1, hlm. 4-5.

‘Amma, setelah beliau mentakhrīj dan mentahqīq juzuk ‘Ammā dalam *Tafsir al-Azhar*. Kenyataannya adalah seperti berikut:

Setelah melihat dan membaca Juzuk ‘Amma dalam *Tafsir Al-Azhar* saya dapati HAMKA banyak menukilkan riwayat dari kitab tafsir silam semisal *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir al-Qurtubi* dan *Tafsir Ibn Kathir*. Cuma Prof Dr HAMKA tidak menyatakan status bagi riwayat tersebut dan banyak juga riwayat yang beliau tidak nyatakan sumbernya.²¹

Kenyataan di atas sebagai bukti bahawa Hamka telah menampilkan sebahagian hadith-hadith dalam *Tafsirnya* dengan hanya menukilkan daripada kitab-kitab tafsir tertentu tanpa menjelaskan parawi dan status sesebuah hadith yang ditampilkan. Justeru, berdasarkan kepada permasalahan yang dikemukakan, perlu untuk menyelidiki metodologi penulisan hadith yang digunakan dalam *Tafsir al-Azhar*.

3. Berdasarkan kajian dalam bentuk *takhrīj al-hadīth*, Hamka didapati menampilkan 918²² hadith yang bukan hanya membawa hadith-hadith yang berstatus sahih dan *hasan* sahaja, bahkan terdapat juga hadith-hadith yang daif dan *mawdū‘* dalam *Tafsir al-Azhar*. Perkara ini dibuktikan melalui kajian *takhrīj al-hadīth* yang telah dilakukan oleh M. Arif Halim dalam juzuk pertama hingga keempat. Dalam kajian tersebut beliau telah mentakhrīj 142 hadith dan daripada jumlah tersebut terdapat 44 hadith daif, tiga hadith *da‘if jiddan*, satu hadith yang tidak ada asal dan satu hadith *mawquf* daripada fatwa Sahabat.²³ Begitu juga kajian oleh Mohd Izwanuddin bin Abd. Rahim dalam juzuk kelima yang berjumlah 74 hadith. Dalam kajian tersebut, beliau telah mendapati terdapat 16

²¹ Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi dan Muhamad Rozaimi Ramle (2017), *Tadabbur Hikmah Juzuk ‘Amma*, Selangor: Dokumentari Kuliah Studio, hlm. xii.

²² M. Arief Halim, *Hamka dan Tafsir al-Azhar: Suatu Kajian Kualiti Hadith*, hlm. 5-6.

²³ Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi dan Muhamad Rozaimi Ramle, *Tadabbur Hikmah Juzuk ‘Amma*, hlm. V.

hadith daif, enam hadith *da'if jiddan* dan dua hadith *mawdū'*.²⁴ Manakala juzuk kesepuluh yang berjumlah 30 hadith telah dikaji oleh Fatin Hamamah binti Abdul Manan. Dalam kajiannya, beliau telah mendapat terdapat enam hadith daif dan satu hadith *mursal*.²⁵ Selain itu, terdapat juga kajian oleh Rizaman bin Yahya yang telah mentakhrij juzuk 29 dan 30 yang berjumlah 45 hadith. Daripada jumlah tersebut terdapat 29 hadith saihh, lima hadith *hasan*, tujuh hadith daif, dua hadith palsu dan dua hadith tidak dapat diberi statusnya.²⁶

Selain itu, pengkaji dalam kajian ini mendapat hadith-hadith yang ditampilkan oleh Hamka dalam Tafsirnya adalah daripada pelbagai sumber sebagai huraian kepada ayat-ayat al-Quran dan sebahagian hadith-hadithnya tidak dijelaskan perawi, rujukan kitab dan statusnya. Terdapat juga hadith-hadith yang ditampilkan sekadar potongan matan tertentu sahaja, selaras dengan keperluan kepada pentafsiran ayat al-Quran. Hal ini menyebabkan para pembaca yang merujuk kepada Tafsirnya tidak dapat mengetahui status hadith sama ada saihh ataupun tidak. Justeru, kajian ini telah mentakhrij hadith-hadith tersebut agar dapat dikenal pasti kesahihan atau kedaifannya supaya boleh dijadikan hujah dan diamalkan dalam kehidupan para pembaca yang merujuk *Tafsir* tersebut.

1.3 Persoalan Kajian

1.3.1 Bagaimana kaedah ulama hadith dalam menentukan sesebuah hadith itu sebagai *maqbūl* ataupun *mardūd*?

²⁴ Mohd Izwanuddin bin Abd. Rahim, *Takhrij dan Analisis Hadith-Hadith dalam Tafsir al-Azhar*, Universiti Sains Malaysia, hlm. xvi.

²⁵ Fatin Hamamah binti Abdul Manan, *Takhrij Hadith dalam Tafsir al-Azhar (Jilid 10)*, Universiti Sains Malaysia, hlm. xiv.

²⁶ Rizaman bin Yahya (2010), *Kajian Takhrij Hadith Dalam Tafsir al-Azhar Oleh Hamka (Juzuk 29-30)*, Universiti Sains Malaysia.

1.3.2 Bagaimanakah kaedah penulisan hadith dalam *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka?

1.3.3 Apakah status hadith-hadith yang ditampilkan oleh Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* juzuk enam hingga sembilan daripada sudut *takhrīj al-hadīth* dan *dirāsah al-asānīd*?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif seperti berikut:

1.4.1 Mengkaji kaedah ulama hadith dalam menentukan sesebuah hadith itu *maqbūl* ataupun *mardūd*.

1.4.2 Mengkaji kaedah penulisan hadith dalam *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka.

1.4.3 Menganalisis status hadith-hadith yang ditampilkan oleh Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* juzuk enam hingga sembilan daripada sudut *takhrīj al-hadīth* dan *dirāsah al-asānīd*.

1.5 Kajian Terdahulu

Ulasan kajian terdahulu adalah penting untuk menonjolkan perbezaan kajian ini dengan pengkajian atau penulisan terdahulu di samping mengutarakan kecenderungan dalam memilih persoalan ini untuk dijadikan kajian. Sebelum kajian dilakukan, hasil daripada penulisan terdahulu telah diselidiki terlebih dahulu demi menjaga keaslian kajian ini. Antara kajian terdahulu yang menyentuh tentang *Tafsir al-Azhar* dan pelbagai kitab karangan Hamka dibahagikan dengan beberapa kategori adalah seperti berikut:

1. Penulisan dalam kategori pemikiran yang dihasilkan daripada kitab *Tafsir al-Azhar* adalah seperti berikut:
 - i. Kajian peringkat Doktor Falsafah oleh M. Yunan Yusuf yang bertajuk *Corak Pemikiran Kalam Tafsir al-Azhar: Sebuah Telaah Atas Pemikiran Hamka Dalam Teologi Islam*, di Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia pada tahun 2003. Kajian ini menghuraikan pemikiran Hamka dalam Tafsirnya yang membahas tentang ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan akal dan wahyu, fungsi wahyu, *free will* (kebebasan) dan *predestination* (takdir), konsep iman, kekuasaan dan kehendak mutlak Tuhan, keadilan dan perbuatan serta sifat-sifat Tuhan.²⁷
 - ii. Kajian peringkat Sarjana oleh Ali Azmi yang bertajuk *Pemikiran Filsafat Moral Hamka* yang dihasilkan pada tahun 2004 di Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Qasim Pekanbaru, Indonesia. Kajian ini telah menganalisis pemikiran Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* yang berkaitan dengan tingkah laku manusia dari segala tindakan.²⁸
 - iii. Kajian ilmiah pada tahun 2010 oleh Abdul Hafiz Abdullah & Siti Rohaya Sudiro yang bertajuk *Wanita Menurut Hamka di Dalam Tafsir al-Azhar: Kajian Terhadap Surah an-Nisa'*, di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pandangan Hamka terhadap wanita dengan melihat dan menilai sejauh mana Hamka mencurahkan idea

²⁷ M. Yunan Yusuf (2003), *Corak Pemikiran Kalam Tafsir al-Azhar: Sebuah Telaah Atas Pemikiran Hamka Dalam Teologi Islam*, IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia.

²⁸ Ali Azmi (2004), *Pemikiran Filsafat Moral Hamka*, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Qasim Pekanbaru, Indonesia.

dan pengalamannya ketika membahaskan hal ehwal wanita dalam *Tafsir* karangannya.²⁹

- iv. Kajian peringkat Sarjana oleh Thoriq Fadli Zaelani yang bertajuk *Konsep Keluarga Sakinah Menurut Hamka (Studi atas Tafsir al-Azhar)*. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2017 di Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Indonesia. Kajian ini telah membahaskan tentang keluarga sakinah daripada pemikiran Hamka menerusi pelbagai karyanya. Kajian ini juga telah menjelaskan biografi Hamka dan teori sastera terhadap al-Quran (*al-tafsīr al-adabī li al-Qurān*).³⁰
2. Penulisan dalam kategori pemikiran dihasilkan daripada pelbagai karya Hamka adalah seperti berikut:

- i. Jurnal yang dihasilkan pada tahun 2009 oleh Abdul Rahman Abdul Aziz yang bertajuk *Nilai Mencapai Kehidupan Sejahtera: Pandangan Hamka*. Fokus kajian ini adalah untuk membincangkan pemikiran Hamka tentang definisi dan makna nilai-nilai kemanusiaan yang digambarkan dalam penulisannya. Selain itu, jurnal ini juga telah membahaskan tentang dua tulisan Hamka iaitu *Tasawuf Modern dan Tuan Director*.³¹
- ii. Kajian ilmiah oleh Rifqi Zarkasyi yang bertajuk *Konstruksi Pemikiran Hamka Tentang Komunikasi Dalam Novel di Bawah Lindungan Ka'bah (Analisis Naratif Model Tzvetan Todorov)*. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2018 di Universitas Islam Sultan Agung Semarang, Indonesia, yang meneliti

²⁹ Abdul Hafiz Abdullah & Siti Rohaya Sudiro (2010), *Wanita Menurut Hamka di Dalam Tafsir al-Azhar: Kajian Terhadap Surah an-Nisa'*, Universiti Teknologi Malaysia, http://www.eprints.utm.my/10808/1/Wanita_Menurut_Hamka_Di_Dalam_Tafsir_Al.pdf.

³⁰ Thoriq Fadli Zaelani (2017), *Konsep Keluarga Sakinah Menurut Hamka (Studi atas Tafsir al-Azhar)*, Falkultas Usuluddin dan Dakwah: Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Indonesia.

³¹ Abdul Rahman Abdul Aziz (2009), *Nilai Mencapai Kehidupan Sejahtera: Pandangan Hamka*, http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_10_2009/a8%20abd%20rahman%20aziz.pdf.

pemikiran Hamka tentang komunikasi dalam novel *di Bawah Lindungan Ka'bah*. Dalam kajian ini telah menjelaskan terdapat sembilan teks dalam novel tersebut yang menggambarkan pemikiran Hamka tentang komunikasi intrapersonal dan interpersonal.³²

- iii. Kajian peringkat Sarjana oleh Sarah Larasati Mantovani yang bertajuk *Pemikiran Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) Tentang Partisipasi Politik Perempuan di Indonesia (1949-1963)*. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2015 di Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia. Kajian ini telah menganalisis pemikiran Hamka terhadap partisipasi politik wanita Indonesia menerusi penulisannya.³³

3. Penulisan dalam kategori dakwah dihasilkan daripada kitab *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka seperti berikut:

- i. Kajian peringkat Sarjana oleh Indarwati yang bertajuk *Dakwah Dalam al-Quran: Study Atas Pemikiran Hamka Dalam Tafsir al-Azhar* di Institut Agama Islam Negeri Alauddin Makasar, Indonesia, pada tahun 2001. Kajian ini membahaskan pemikiran Hamka dalam Tafsirnya tentang ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan metodologi dakwah, seperti *al-maw'izah al-hasanah* dan *al-mujadalah*.³⁴

4. Penulisan dalam kategori kaunseling dihasilkan daripada pelbagai kitab Hamka seperti berikut:

³² Rifqi Zarkasyi (2018), *Konstruksi Pemikiran Hamka Tentang Komunikasi Dalam Novel di Bawah Lindungan Ka'bah (Analisis Naratif Model Tzvetan Todorov)*, Fakultas Bahasa dan Ilmu Komunikasi: Universitas Islam Sultan Agung Semarang, Indonesia.

³³ Sarah Larasati Mantovani (2015), *Pemikiran Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) Tentang Partisipasi Politik Perempuan di Indonesia (1949-1963)*, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.

³⁴ Indarwati (2001), *Dakwah Dalam al-Quran: Study Atas Pemikiran Hamka Dalam Tafsir al-Azhar*, IAIN Alauddin Makasar, Indonesia.

i. Jurnal Fokus Konseling vol. 4 no. 1 (2018) 51-61 oleh Muhamad Rifa'i Subhi yang bertajuk *Kepribadian Dalam Perspektif Hamka*. Jurnal ini menghuraikan tentang pemikiran Hamka yang ditinjau melalui psikologi dan kaunseling yang dilihat daripada pelbagai karyanya.³⁵

5. Penulisan dalam kategori tafsir dihasilkan daripada kitab *Tafsir al-Azhar* adalah seperti berikut:

i. Kajian peringkat Sarjana oleh Imron Baehaqi yang bertajuk *Perumpamaan Melayu: Kajian Terhadap Penggunaannya Oleh Hamka Dalam Tafsir al-Azhar Juzu' 27*. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2012 dari Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini telah membahaskan perumpamaan Melayu yang digunakan oleh Hamka dalam kitab Tafsirnya juzuk yang ke-27. Kajian tersebut telah mengenal pasti kedudukan perumpamaan dan penggunaan yang digunakan dalam menghuraikan tafsir al-Quran. Seterusnya mendedahkan makna dan jenis serta hubungan perumpamaan dengan suatu ayat yang ditafsirkan.³⁶

ii. Kajian peringkat Doktor Falsafah oleh Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa yang bertajuk *Metodologi Pentafsiran Aliran Fiqh: Kajian Terhadap Ayat-Ayat Hukum Ibadah Dalam Tafsir al-Azhar*, pada tahun 2017 di Universiti Sains Malaysia. Objektif kajian ini telah mensasarkan pengkajian mengenai konsep ilmu tafsir dan pentafsiran ayat hukum ibadah, sumbangan

³⁵ Muhamad Rifa'i Subhi (2018), *Kepribadian Dalam Perspektif Hamka*, Jurnal Fokus Konseling vol. 4 no. 1 (2018) 51-61, <http://www.file:///C:/Users/Aspire/Downloads/501-1540-2-PB.pdf>.

³⁶ Imron Baehaqi (2012), *Perumpamaan Melayu: Kajian Terhadap Penggunaannya Oleh Hamka Dalam Tafsir al-Azhar Juzuk 27*, Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.

Hamka dalam bidang pentafsiran al-Quran dan penganalisisan metodologi Hamka dalam mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadah.³⁷

- iii. Kajian peringkat Sarjana olah M. Tohir yang bertajuk *Pentafsiran Ayat-Ayat Musibah Menurut Hamka dan M. Quraish Shihab*, di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia, pada tahun 2011. Kajian ini telah membahaskan makna musibah menurut Hamka menerusi *Tafsir al-Azhar* dan M. Quraish Shihab menerusi *Tafsir al-Misbah*. Kemudian di buat perbandingan di antara kedua-dua penafsiran mereka.³⁸
- iv. Kajian ilmiah pada tahun 2010 oleh Arieff bin Rosman & Mohd Zikri bin Samngani yang bertajuk *Perbandingan Metodologi Penafsiran Tafsir al-Azhar dan fi Zilal al-Quran Dalam Surah al-Ra‘d*, di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini dihasilkan untuk mengetahui metodologi tafsir yang terdapat dalam *Tafsir fi Zilal al-Quran* dan *Tafsir al-Azhar* dalam menafsirkan al-Quran serta perbandingan di antara keduanya. Di samping itu, kajian ini telah memjelaskan latar belakang Sayyid Qutub dan Hamka sebagai ulama tafsir serta telah menghuraikan intisari surah al-Ra‘d. Hasil daripada kajian ini mendapati kedua tafsir ini menggunakan pentafsiran *bi ma’thūr* dan *bi ra’yi*.³⁹
- v. Jurnal yang dihasilkan pada tahun 2017 oleh Mahyidin dan Muh. Ngali Zainal Makmun yang bertajuk *Penafsiran Ayat al-Quran Tentang Khilafah (Kajian Perbandingan Tafsir al-Misbah Karya M. Quraish Sihab dan al-Azhar Karya Abdul Karim Amrullah (Hamka)*, di Institut Agama Islam

³⁷ Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa (2017), *Metodologi Pentafsiran Aliran Fiqh: Kajian Terhadap Ayat-Ayat Hukum Ibadah Dalam Tafsir al-Azhar*, Universiti Sains Malaysia.

³⁸ M.Tohir (2011), *Pentafsiran Ayat-Ayat Musibah Menurut Hamka dan M.Quraish Shihab*, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia.

³⁹ Arieff bin Rosman & Mohd Zikri bin Samngani (2010), *Perbandingan Metodologi Penafsiran Tafsir al-Azhar dan fi Zilal al-Quran Dalam Surah al-Ra‘d*, http://www.Eprints.utm.my/10713/1/PERBANDINGAN_METODOLOGI_PENAFSIRAN_TAFSIR_AL-pdf.pdf.

Ma‘arif NU Metro Lampung, Indonesia. Kajian ini telah meneliti ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan khilafah menerusi *Tafsir al-Misbah* karangan M. Quraish Sihab dan *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka dengan dibuat perbandingan di antara keduanya.⁴⁰

- vi. Kajian peringkat Sarjana oleh Sartiman Setiawan yang bertajuk *Penafsiran Hamka Tentang Politik Dalam Tafsir al-Azhar* pada tahun 2008 di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Kajian ini telah menganalisis ayat-ayat yang berkaitan dengan politik dalam *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka.⁴¹
- vii. Kajian ilmiah yang dihasilkan oleh Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad et. al. pada tahun 2015 yang bertajuk *al-Tafsir al-‘Ilmi Serta Pengaruh al-Maraghi Terhadap Tafsir al-Azhar*. Kajian ini telah menganalisis pandangan dan metodologi penafsiran corak *al-tafsir al-‘ilmī* yang digunakan oleh Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* berkaitan dengan ayat-ayat *al-kawniyyah* dalam al-Quran serta meneliti pengaruh *Tafsir al-Maraghi* dalam Tafsirnya.⁴²
- viii. Jurnal dihasilkan pada tahun 2014 oleh Abdul Manan Syafi’i yang bertajuk *Pengaruh Tafsir al-Manar Terhadap Tafsir al-Azhar*, dari Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan Institut Agama Islam Negeri Sultan Thaha

⁴⁰ Mahyidin dan Muh. Ngali Zainal Makmun (2017), *Penafsiran Ayat al-Quran Tentang Khilafah (Kajian Perbandingan Tafsir al-Misbah Karya M. Quraish Sihab dan al-Azhar Karya Abdul Karim Amrullah (Hamka)*, vol 2 no 2 (2017), [http://www.file:///C:/Users/Aspire/Downloads/3215-Article%20Text-8689-1-1020171124%20\(2\).pdf](http://www.file:///C:/Users/Aspire/Downloads/3215-Article%20Text-8689-1-1020171124%20(2).pdf).

⁴¹ Sartiman Setiawan (2008), *Penafsiran Hamka Tentang Politik Dalam Tafsir al-Azhar*, Fakulti Usuluddin: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia.

⁴² Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad et. al. (2015), *al-Tafsir al-‘Ilmi Serta Pengaruh al-Maraghi Terhadap Tafsir al-Azhar*, https://www.researchgate.net/publication/313226663_AL-TAFSIR_AL-ILMI_SERTA_PENGARUH_AL-MARAGHI_TERHADAP_TAFSIR_AI-AZHAR.

Saifiddin, Indonesia. Kajian ini menjelaskan pengaruh Muhammad ‘Abduh terhadap *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka.⁴³

- ix. Jurnal *al-Asas*, Vol. iii, no. 1, April 2015, yang dihasilkan oleh Ratnah Umar, S. Ag. M.H.I, dari Falkultas Usuluddin, Adab dan Dakwah Institut Agama Islam Negeri Palopo, Indonesia, yang bertajuk *Tafsir al-Azhar karya Hamka (Metode dan Corak Penafsirannya)*. Kajian ini menjelaskan metode *al-tahlili* yang digunakan oleh Hamka dalam Tafsirnya. Metode ini adalah dengan menafsirkan ayat sesuai dengan susunan surah yang terdapat dalam *mushaf* al-Quran. Selain itu, beliau menggunakan pendekatan sastera yang bercorak *adab ijtimai*.⁴⁴
- x. Jurnal *Contemporary Islam and Muslim Societies*, vol. 2, no. 1, Januari-Jun 2018 dari Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Indonesia. Jurnal ini dihasilkan oleh Arivaie Rahman yang bertajuk *Al-Fatihah Dalam Perspektif Mufasir Nusantara: Studi Komparatif Tafsir al-Quranul Majid an-Nur dan Tafsir al-Azhar*. Kajian ini telah membincangkan penafsiran surah al-Fatihah menurut Hasbi al-Shiddiqi dalam *Tafsir al-Quran al-Majid al-Nur* dan *Tafsir al-Azhar* karya Hamka.⁴⁵

6. Penulisan dalam kategori hadith dihasilkan daripada kitab *Tafsir al-Azhar* adalah seperti berikut:

- i. Kajian peringkat Doktor Falsafah yang ditulis oleh M. Arief Halim yang bertajuk *Hamka dan Tafsir al-Azhar: Suatu Kajian Kualiti Hadith*. Kajian ini

⁴³ Abdul Manan Syafi'i (2014), *Pengaruh Tafsir al-Manar Terhadap Tafsir al-Azhar* <https://media.neliti.com/media/publications/156064-ID-none.pdf>.

⁴⁴ Ratnah Umar, S. Ag. M.H.I (2015), *Tafsir al-Azhar karya Hamka (Metode dan Corak Penafsirannya)*, Vol. iii, no. 1, April 2015, Falkultas Usuluddin, Adab dan Dakwah Institut Agama Islam Negeri Palopo, Indonesia.

⁴⁵ Arivaie Rahman (2018), *al-Fatihah Dalam Perspektif Mufasir Nusantara: Studi Komparatif Tafsir al-Quranul Majid an-Nur dan Tafsir al-Azhar*, vol. 2, no. 1, Januari-Jun 2018, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Indonesia, file:///C:/Users/Aspire/Downloads/1742-4682-2-PB.pdf.

- dihasilkan pada tahun 2007 di Universiti Sains Malaysia, menghuraikan tentang *takhrīj* hadith daripada juzuk pertama hingga empat dalam *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka yang berjumlah 142 hadith. Kajian ini telah membincangkan masalah utama ilmu hadith iaitu *tahqīq al-hadīth*, yang merupakan penyelidikan secara kritikal dengan menggunakan kaedah pentashihan hadith terutama bagi sanad perawi dan lafaz hadith kepada sumber asalnya yang muktabar.⁴⁶
- ii. Kajian peringkat Sarjana oleh Mohd Izwanuddin bin Abd. Rahim yang bertajuk *Hadith-Hadith Dalam Tafsir al-Azhar: Takhrij dan Analisis*, di Universiti Sains Malaysia pada tahun 2017. Kajian ini telah mengupas ilmu *takhrīj al-hadīth* dan kepentingannya dalam menilai status sesuatu hadith sebagai landasan teori kepada kajian *takhrīj*. Di samping mengkaji status hadith-hadith dalam juzuk kelima yang digunakan oleh Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* serta kedudukannya di sisi ulama hadith yang berjumlah 84 hadith.⁴⁷
- iii. Kajian peringkat Sarjana oleh Fatin Hamamah binti ‘Abdul Manan yang bertajuk *Takhrij Hadith Dalam Tafsir al-Azhar (Jilid 10)*, di Universiti Sains Malaysia pada tahun 2016. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep ilmu *takhrīj* hadith dan latar belakang Hamka. Di samping untuk mengkaji hadith-hadith dalam juzuk ke-10 dalam *Tafsir al-Azhar* dengan menganalisis sumber asal dan statusnya yang berjumlah 30 hadith.⁴⁸
- iv. Kajian peringkat Sarjana oleh Rizaman bin Yahya yang bertajuk *Kajian Takhrij Hadith Dalam Tafsir al-Azhar Oleh Hamka (Juzuk 29-30)*, di Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010. Dalam kajian tersebut beliau telah

⁴⁶ M. Arief Halim (2007), *Hamka dan Tafsir al-Azhar: Suatu Kajian Hadith*, Universiti Sains Malaysia.

⁴⁷ Mohd Izwanuddin bin Abd. Rahim (2017), *Hadith-Hadith Dalam Tafsir al-Azhar: Takhrij dan Analisis*, Universiti Sains Malaysia.

⁴⁸ Fatin Hamamah ‘Abdul Manan (2016), *Takhrij Hadith Dalam Tafsir al-Azhar (jilid 10)*, Universiti Sains Malaysia.

menumpukan kepada penyelidikan secara analisis dan kritis terutama dari segi sanad dan mengesan lafaz hadith kepada sumbernya asli. Berdasarkan kajian tersebut juga beliau telah mendapat jumlah keseluruhan hadith dalam juzuk ke-29 hingga 30 berjumlah 45 hadith.⁴⁹

v. Buku yang dihasilkan oleh Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi dan Muhamad Rozaimi Ramle yang bertajuk *Tadabbur Hikmah Juzuk ‘Amma* yang diterbitkan oleh Dokumentasi Kuliah Studio (DKS): Selangor, pada tahun 2017. Buku ini telah mentakhrij dan mentahqiq hadith-hadith yang terdapat dalam juzuk ‘Amma daripada kitab *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka.⁵⁰

7. Penulisan dalam kategori hadith dihasilkan daripada kitab selain *Tafsir al-Azhar* adalah seperti berikut:

i. Kajian peringkat Sarjana oleh Muhammad Nasih pada tahun 2015 yang bertajuk *Kualitas Hadis-Hadis Dalam Kitab Tafsir Faid al-Rahman Karya Kiai Shaleh Darat (Surah al-Fatihah)* di Universitas Agama Islam Negeri Walisongo Semarang, Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kualiti hadith-hadith dalam surah al-Fatihah yang ditampilkan oleh Kiai Shaleh dalam *Tafsir Faid al-Rahman* yang berjumlah 12 buah hadith. Analisis data yang digunakan dalam penelitian ini adalah analisis *takhrij al-hadīth*, kritik sanad dan matan.⁵¹

ii. Kajian peringkat Sarjana oleh Zeni Nur Latifah pada tahun 2018 yang bertajuk *Kualitas Hadis Dalam Tafsir al-Ibriz (Kajian Kritik Sanad Hadis*

⁴⁹ Rizaman bin Yahya (2010), *Kajian Takhrij Hadith Dalam Tafsir al-Azhar Oleh Hamka (Juzuk 29-30)*, Universiti Sains Malaysia.

⁵⁰ Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi dan Muhamad Rozaimi Ramle (2017), *Tadabbur Hikmah Juzuk ‘Amma*, Selangor: Dokumentasi Kuliah Studio (DKS).

⁵¹ Muhammad Nasih (2015), *Kualitas Hadis-Hadis Dalam Kitab Tafsir Faid al-Rahman Karya Kiai Shaleh Darat (Surah al-Fatihah)*, Universitas Agama Islam Negeri Walisongo Semarang, Indonesia.

Dalam Surah Yasin) di Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kualiti hadith yang terdapat dalam surah Yasin yang ditampilkan oleh K.H Bisri Mustafa dalam kitab Tafsirnya. Beliau menggunakan tiga metode iaitu pencarian kata tertentu dalam hadith, awal matan hadith dan tema hadith.⁵²

iii. Kajian peringkat Sarjana oleh Asep Badru Takim pada tahun 2010 yang bertajuk *Takhrij Hadis-Hadis Kitab Tafsir al-Misbah (Studi Kritik dan Matan Hadis Pada Surah al-Rahman)* di Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui status sanad dan matan hadith-hadith yang terdapat dalam surah al-Rahman dalam *Tafsir al-Misbah* karya M. Quraish Shibab.⁵³

8. Penulisan dalam kategori fekah dihasilkan daripada kitab *Tafsir al-Azhar* adalah seperti berikut:

i. Kajian peringkat Sarjana oleh Ahmad Khusni yang bertajuk *Konsep Ijtihad Hamka: Suatu Kajian Terhadap Masalah Fiqh Dalam Tafsir al-Azhar* di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2003. Kajian ini menghuraikan tentang konsep *istinbat ijtihad* Hamka dalam permasalahan fekah yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar* dan kitab-kitabnya yang lain yang ada hubung kaitnya dengan hukum Islam. Kajian tersebut mendapati bahawa Hamka telah memperkenalkan konsep *ijtihad* yang dikenali sebagai pola *ijtihad* kontemporari dalam Tafsirnya.⁵⁴

⁵² Zeni Nur Latifah (2018), *Kualitas Hadis Dalam Tafsir al-Ibriz (Kajian Kritik Sanad Hadis Dalam Surah Yasin)*, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia.

⁵³ Asep Badru Takim (2010), *Takhrij Hadis-Hadis Kitab Tafsir al-Misbah (Studi Kritik dan Matan Hadis Pada Surah al-Rahman)*, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia.

⁵⁴ Ahmad Khusni (2003), *Konsep Ijtihad Hamka: Suatu Kajian Terhadap Masalah Fiqh Dalam Tafsir al-Azhar*, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

- ii. Kajian ilmiah oleh Achmad Sofyan Aji Sudrajad yang bertajuk *Syeikh Nawawi al-Bantani, Buya Hamka dan Quraish Shihab Pandangan Tentang Hukum Poligami dan Latar Belakangnya*. Kajian ini telah dihasilkan pada 2016 di Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia, yang meneliti tentang hukum poligami dengan menganalisis pandangan tiga orang tokoh iaitu Syeikh Nawawi al-Bantani, Hamka dan Quraish Shihab.⁵⁵
9. Penulisan dalam kategori pendidikan yang dihasilkan daripada *Tafsir al-Azhar* karangan Hamka adalah seperti berikut:
- i. Jurnal yang dihasilkan pada tahun 2018 oleh Ikhwan Hadiyyun, pensyarah Fakultas Usuluddin dan Dakwah Universitas Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin Banten, Indonesia. Penulisan ini bertajuk *Konsep Pendidikan Ukhuwah: Analisis Ayat-Ayat Ukhuwah Dalam al-Quran* yang menganalisis huraihan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan ukhuwah dalam Islam yang terdapat dalam *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr al-Marāghī*, *Tafsīr fī Dilāl al-Qurān*, *Tafsīr al-Furqān* dan *Tafsir al-Azhar*.⁵⁶
 - ii. Kajian peringkat Sarjana oleh Nurhayati B yang bertajuk *Pemikiran Hamka (1908-1981) Tentang Pendidikan: Suatu Telaah Filosofis Tentang Kependidikan Islam* pada tahun 2003 di Institut Agama Islam Negeri Sultan Syarif Qasim Pekanbaru, Indonesia. Kajian ini menghuraikan tentang

⁵⁵ Achmad Sofyan Aji Sudrajad (2016), *Syeikh Nawawi al-Bantani, Buya Hamka dan Quraish Shihab Pandangan Tentang Hukum Poligami dan Latar Belakangnya*, Fakultas Syari‘ah: Universitas Islam Negeri Maula Malik Ibrahim Malang, Indonesia.

⁵⁶ Ikhwan Hadiyyun (2018), *Konsep Pendidikan Ukhuwah: Analisis Ayat-Ayat Ukhuwah Dalam al-Quran*, Universitas Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin Banten, Indonesia, <http://www.file:///C:/Users/Aspire/Downloads/793-313-1879-1-10-20180621.pdf>.

pemikiran Hamka yang berkaitan dengan pendidikan Islam melalui Tafsirnya dan pelbagai kitab-kitab karangannya yang lain.⁵⁷

10. Penulisan dalam kategori pendidikan dihasilkan daripada pelbagai karya Hamka adalah seperti berikut:

- i. Buku bertajuk *Membincangkan Dinamika Intelektual dan Pemikiran Hamka Tentang Pendidikan* karangan Samsul Nizar yang diterbitkan pada tahun 2008. Buku ini menghuraikan enam bab besar, Bab Satu: Urgensi Memperbincangkan Pemikiran Hamka Tentang Pendidikan Islam, Bab Dua: Hamka: Biografi dan Dinamika Sosial-Intelektual. Bab Tiga: Batasan Hamka Tentang Makna Pendidikan. Bab Empat: Kerangka Dasar Pemikiran Hamka Tentang Pendidikan Islam. Bab Lima: Keterlibatan Hamka Dalam Institusi Pendidikan. Bab Enam: Rekomendasi.⁵⁸
- ii. Kajian ilmiah oleh Moh Afif Efendi yang bertajuk *Konsep Pendidikan Budi Pekerti Perspektif Hamka*. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2017 di Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia, yang menghuraikan konsep pendidikan budi pekerti daripada perspektif Hamka. Beliau telah menjadikan ketokohan Hamka sebagai pilihan kepada kajian beliau kerana telah banyak penulisan Hamka dijadikan rujukan dalam masyarakat Melayu. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa Hamka telah menjadikan al-Quran dan Sunnah serta akal sebagai konsep pendidikan untuk mencapai keseimbangan jiwa.⁵⁹

⁵⁷ Nurhayati B (2003), *Pemikiran Hamka (1908-1981) Tentang Pendidikan: Suatu Telaah Filosofis Tentang Kependidikan Islam*, IAIN Sultan Syarif Qasim Pekanbaru, Indonesia.

⁵⁸ Samsul Nizar (2008), *Membincangkan Dinamika Intelektual dan Pemikiran HAMKA Tentang Pendidikan*, Jakarta: Prenada Media Grup.

⁵⁹ Moh. Afif Efendi (2017), *Konsep Pendidikan Budi Pekerti perspektif Hamka*, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan: Universitas Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia.

- iii. Kajian peringkat Sarjana oleh Mahli Harapan pada tahun 2016 yang bertajuk *Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Otobiografi Kenang-Kenangan Hidup Buya Hamka* di Universitas Islam Negeri Sumatera Utara. Kajian ini telah menghuraikan nilai-nilai pendidikan Islam yang terdapat dalam diri Hamka dan telah menjadikan buku autobiografi beliau sebagai objek kajian.⁶⁰
- iv. Kajian peringkat Sarjana oleh Muktaruddin yang bertajuk *Idealisme Pendidikan Islam Hamka Tela'ah Terhadap Pemikiran dan Pembaharuan Islam Hamka*. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2011 di Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Pekanbaru, Indonesia, yang menganalisis idea dan pembaharuan Hamka serta pemikiran tokoh-tokoh lain dalam pendidikan Islam di samping persoalan-persoalan yang berkaitan dengan teologi dalam pendidikan Islam.⁶¹
- v. Jurnal Universitas Ibn Khaldun Bogor vol. 7 no. 2 Jun 2018 oleh Sholeh Iskandar yang bertajuk *Pemikiran Hamka Tentang Pendidikan dan Relevansinya Terhadap Kondisi Saat ini*. Kajian ini meneliti tentang pemikiran Hamka terhadap pendidikan Islam di Indonesia yang diadaptasikan dengan pendidikan pada zaman sekarang.⁶²

11. Penulisan dalam kategori tasawuf dihasilkan daripada kitab *Tafsir al-Azhar* adalah seperti berikut:

- i. Jurnal Usuluddin pada Julai – Disember 2013 oleh Abdul Rouf Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff yang bertajuk *Tafsir al-Azhar dan Tasawuf*

⁶⁰ Mahlil Harahap (2016), *Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Otobiografi Kenang-Kenangan Hidup Buya Hamka*, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan, Indonesia.

⁶¹ Muktaruddin (2011), *Idealisme Pendidikan Islam Hamka Tela'ah Terhadap Pemikiran dan Pembaharuan Islam Hamka*, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Pekanbaru, Indonesia.

⁶² Sholeh Iskandar (2018), *Pemikiran Hamka Tentang Pendidikan dan Pelevansinya Terhadap Kondisi Saat ini*, Universitas Ibn Khaldun Bogor vol. 7 no. 2 Jun 2018, <http://www.file:///C:/Users/Aspire/Downloads/1217-3042-1-SM.pdf>.

Menurut Hamka yang menghuraikan keistimewaan *Tafsir al-Azhar* selain membincangkan akhlak dan pembaharuan Islam, ia juga memberi tumpuan secara khusus dari sudut tasawuf, etika dan permasalahan terkini yang berlaku di Indonesia. Beliau juga mengupas tentang tasawuf dalam penulisan Hamka yang bertujuan membebaskan manusia daripada amalan-amalan yang menyimpang dari ajaran Islam.⁶³

- ii. Jurnal al-Turas, vol. xxi, no. 1, Januari 2015. Jurnal ini dihasilkan oleh Taufik Hidayat yang bertajuk *Tafsir al-Azhar: Menyelami Kedalaman Tasawuf Hamka*. Kajian ini telah memfokuskan pada biografi Hamka serta hubungannya dengan tasawuf, metode interpretasi, rujukan utamanya, ciri-ciri *Tafsir al-Azhar*, metode penulisannya dan pendekatan yang digunakan dalam interpretasinya. Kajian ini bertujuan untuk mengeksplorasi konsep ‘uzlah, wali, mahabbah dan ilmu laduni dalam *Tafsir al-Azhar*.⁶⁴
- iii. Jurnal Stadi Islam, vol. 14, no. 1, Jun 2016 oleh Masrur yang bertajuk *Pemikiran dan Corak Tasawuf Hamka dalam Tafsir al-Azhar*. Jurnal tersebut menghuraikan tentang pemikiran dan corak tasawuf Hamka menerusi *Tafsir al-Azhar* dan beberapa buku karyanya yang berkaitan dengan tasawuf.⁶⁵
- iv. Kajian peringkat Doktor Falsafah oleh Abdul Rouf yang bertajuk *Dimensi Tasawuf Karya Hamka: Analisis Terhadap Tafsir al-Azhar*. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2012 di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini telah membahaskan corak

⁶³ Abdul Rouf Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff (2013), *Tafsir al-Azhar dan Tasawuf Menurut Hamka*, http://umepublication.um.edu.my/filebank/published_article/6916/Jurnal.Usuluddin.38.2013-02.Rouf.Hamka.pdf.

⁶⁴ Taufik Hidayat (2015), *Tafsir al-Azhar: Menyelami Kedalaman Tasawuf Hamka*, vol. xxi, no. 1, Januari 2015, file:///C:/Users/Aspire/Downloads/3826-9205-1-SM%20(1).pdf.

⁶⁵ Masrur (2016), *Pemikiran dan Corak Tasawuf Hamka dalam Tafsir al-Azhar*, vol. 14, no. 1, Jun 2016, <http://www.file:///C:/Users/Aspire/Downloads/1143-Article%20Text-2496-1-10-20170213.pdf>.

pemikiran tasawuf yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar* karya Hamka serta mendalami pandangannya menerusi metode tafsir yang dikembangkan.⁶⁶

12. Penulisan dalam kategori tasawuf daripada pelbagai penulisan Hamka adalah seperti berikut:

- i. Kajian peringkat Sarjana oleh Muh. Ilham yang bertajuk *Konsep Zuhud Dalam Pemikiran Tasawuf Hamka*. Kajian ini dihasilkan pada 2014 di Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia, yang meneliti pemikiran Hamka dari aspek tasawuf dari pelbagai penulisannya. Penelitian ini menemukan konsep zuhud pada pandangan Hamka dengan kehidupan dunia.⁶⁷
- ii. Kajian Peringkat Sarjana Muda oleh Nur Fitriani yang bertajuk *Nilai-Nilai Etika Sufistik Dalam Novel di Bawah Lindungan Ka'bah Karya Hamka*. Kajian ini dihasilkan pada 2018 di Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia, yang meneliti nilai sufi dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. Hasil penelitian tersebut mendapati novel karya Hamka itu mengandungi nilai-nilai sufi yang dianggap relevan untuk menjawab isu keterasingan spiritual pada diri manusia di zaman moden.⁶⁸

13. Penulisan dalam kategori tamadun daripada kitab *Tafsir al-Azhar* adalah seperti berikut:

⁶⁶ Abdul Rouf (2012), *Dimensi Tasawuf Karya Hamka: Analisis Terhadap Tafsir al-Azhar*, Jabatan al-Quran dan Hadith Falkulti Pengajian Islam: Universiti Malaya.

⁶⁷ Muh. Ilham (2014), *Konsep Zuhud Dalam Pemikiran Tasawuf Hamka*, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia.

⁶⁸ Nur Fitriani (2018), *Nilai-Nilai Etika Sufistik Dalam Novel di Bawah Lindungan Ka'bah Karya Hamka*, Fakultas Usuluddin dan Studi Agama: Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia.